



**PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR
KALI KE 102 BIL 28/2023**

**PENAWARAN PENGINAPAN DI RESIDEN PELAJAR BAGI
PELAJAR LALUAN KHAS SESI AKADEMIK 2023/2024
DAN
PERMOHONAN RAYUAN ASRAMA BAGI SESI AKADEMIK
2023/2024**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Pelajar yang dikasihi,

1. Merujuk kepada Pekeliling Hal Ehwal Pelajar UMP Bilangan 1 Tahun 2021 berkenaan **MEWAJIBKAN** pelajar pra siswazah Universiti Malaysia Pahang pengajian **Tahun 1 dan Tahun 2** menginap di Residen Pelajar dan baki kekosongan akan diisi oleh pelajar Tahun 3 dan Tahun 4 termasuk pelajar kategori laluan khas.
2. Pelajar laluan khas akan menerima emel berkaitan penawaran asrama dalam tempoh 15 -16 Jun 2023. Kategori pelajar laluan khas dan tatacara permohonan ke residen pelajar adalah seperti berikut:-

KATEGORI LALUAN KHAS	TATACARA PERMOHONAN DAN TARIKH PERMOHONAN
MPP	Mohon melalui: E-Community>Roomate Selection>Attestation Tarikh Permohonan: 15 – 26 Jun 2023
Badan Beruniform*	
Ulul Albab*	
PEKA	
Orang Asal	
Ijazah Dual*	
Atlet Cemerlang	

Aktivis Kebudayaan	Rujuk Manual Pengguna: https://shorturl.at/abkzX *Pelajar Badan Beruniform, Ulul Albab, Ijazah Dual dan Pelajar OKU wajib memilih rakan sebilik daripada kategori yang sama
Pelajar OKU*	
Pemegang Biasiswa UMP	
Pemegang Biasiswa Yayasan UMP	
Anak Pahang Cemerlang	
Pelajar mobiliti outbound	
Pelajar Tahun 2 bagi Sesi Akademik 2023/2024	

3. Pelajar laluan khas perlu membuat pengesahan pada skrin 'Attestation' dan seterusnya perlu membuat pemilihan rakan sebilik. Pelajar laluan khas yang telah membuat pengesahan pada skrin 'Attestation' adalah tertakluk kepada Polisi Yuran Asrama Tanpa Pemulangan ([No Refund Policy](#)) rujuk Bahagian IV: Panduan Dan Peraturan Kewangan Pelajar (Program Prasiswazah UMP) .
4. Pelajar laluan khas (selain daripada Pelajar Tahun 2 bagi Sesi Akademik 2023/2024) yang menolak tawaran asrama, permohonan penolakan perlu diluluskan oleh Pengarah Pusat Perkhidmatan Pelajar.
5. Pelajar laluan khas (selain daripada Pelajar Tahun 2 bagi Sesi Akademik 2023/2024) yang tidak membuat pengesahan pada skrin 'Attestation' dianggap **TIDAK BERSETUJU** untuk menginap di Residen Pelajar pada Sesi 2023/2024. **Pelajar yang tidak membuat pengesahan, akan berhadapan dengan risiko tidak akan diberikan keutamaan menduduki asrama pada masa akan datang.**
6. Permohonan rayuan asrama adalah terbuka kepada pelajar **SELAIN** laluan khas. Tarikh permohonan rayuan bermula pada **15 – 26 Jun 2023**. Permohonan rayuan perlu dibuat melalui **E-Community>Student Residence Appeal**. Pelajar perlu menyerahkan dokumen sokongan ke Pejabat Residen Pelajar (UMP Gambang – Pejabat RP1 (siswi), Pejabat RP2 (siswa) / UMP Pekan – Pejabat RP5 (siswa & siswi). Pelajar rayuan yang berjaya ditawarkan asrama adalah tertakluk kepada Polisi Yuran Asrama Tanpa Pemulangan (No Refund Policy). Pelajar rayuan yang menarik diri setelah berjaya ditawarkan asrama adalah tertakluk kepada Polisi Yuran Asrama Tanpa Pemulangan ([No Refund Policy](#)) rujuk Bahagian IV: Panduan Dan Peraturan Kewangan Pelajar (Program Prasiswazah UMP).

7. Bagi pelajar yang tidak ditawarkan Residen Pelajar boleh melayari portal rumah sewa siswa yang telah dibangunkan KPT untuk mencari rumah sewa yang kosong di kawasan berhampiran kampus. Sila layari portal rumah sewa siswa seperti berikut: <https://rumahsiswa.mohe.gov.my>

Sebarang pertanyaan sila hubungi pejabat Residen Pelajar menerusi emel residen@ump.edu.my.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

‘Teknologi Untuk Masyarakat’



MOHD RAIZALHILMY B. MOHD. RAIS

Pengarah
Pusat Perkhidmatan Pelajar
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
Tarikh: 15 Jun 2023